

**LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
IBU PEJABAT MADA, AMPANG JAJAR 05990 ALOR SETAR KEDAH**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga ini dibuka kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 2101* (Peralatan dan Kelengkapan Komputer). Semua tawaran hendaklah sampai kepada Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Ampang Jajar, 05990, Alor Setar, Kedah Darul Aman pada **21 Mac 2013 jam 12.00 tengah hari**.

Untuk:-

Sebut Harga No. : MADA/BPTM/CTM/2013-1
Tajuk Sebut Harga: Menyenggara, Menghantar, Memasang Dan Menguji Peralatan Komputer Bagi 7 Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)
Status Sebut Harga: Bumiputra Sahaja
Harga Dokumen : RM10.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Sahaja)

2. Semua butir sebut harga boleh didapati di Bahagian Perancangan Dan Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat MADA, Ampang Jajar, 05990 Alor Setar, Kedah Darul Aman.
3. Sebut harga mestilah dikemukakan dalam Borang Sebut Harga yang boleh didapati di Bahagian Perancangan Dan Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat MADA, Ampang Jajar, 05990 Alor Setar, Kedah Darul Aman. Sebut harga mestilah dikemukakan tawaran harga dan tawaran teknikal serta dimasukkan ke dalam dua (2) sampul surat bermetri berasingan, menulis nombor Sebut Harga tersebut, kemudian dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di Pejabat Bahagian Perancangan Dan Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat MADA, Ampang Jajar, 05990 Alor Setar, Kedah Darul Aman pada atau sebelum masa dan tarikh yang ditetapkan.
4. Mana-mana tawaran sebut harga yang diterima selepas masa dan tarikh tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
5. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana tawaran.
6. Sila kemukakan bersama satu salinan Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor dan satu salinan Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputra yang asal dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah berserta salinan sijil-sijil berkenaan semasa membeli borang sebut harga tersebut di atas.

Tarikh: 10 Mac 2013


.....
(Robiah Binti Lazim)
Pengarah,
Bahagian Perancangan & Teknologi Maklumat
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)